

**Tujuan:**

**Pemeterian Memorandum Penyerahan Alat Bantuan Pelayaran Kepada Lembaga Sungai-Sungai Sarawak ( LSS) Oleh Lembaga Boya dan Api Sarawak (LBAS).**

**Lokasi : Ibu Pejabat LSS di Electra House, Kuching**

**Tarikh: 1 Mac 2017**

**Masa : 3:00 Petang.**

Memorandum Penyerahan Hak Milik Alat-Alat Bantuan Pelayaran ini dibuat di antara Lembaga Boya dan Api Sarawak (LBAS) dan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS) susulan daripada mesyuarat LBAS Bil 2/2016 pada 19hb Ogos 2016 memutuskan bahawa semua Alat-Alat Bantuan Pelayaran (ABP) yang berada dalam kawasan seliaan LSS hendaklah diserahkan kepada LSS. Ianya merangkumi di kawasan perairan di bawah bidang kuasa LSS di penempatan berikut;

- a. Sungai Sarawak;
- b. Sungai Santubong;
- c. Sungai Sematan;
- d. Sungai Rajang;
- e. Batang Paloh;
- f. Sungai Miri;
- g. Sungai Suai;
- h. Sungai Sibuti; dan
- i. Batang Baram.

Sehubungan dengan itu, lawatan tapak bagi mengenal pasti ABP yang berkaitan telah diadakan di antara kedua-dua yang terlibat meliputi kawasan Kuching, Sibul/Sarikel dan Miri. Daripada lawatan tapak tersebut kedua-dua agensi telah mengenal pasti sebanyak 57 buah ABP yang perlu diserahkan merangkumi Boja pandu arah, bikon dan transit.

Penyerahan Hak Milik Alat-Alat Bantuan Pelayaran ini akan berkuatkuasa mulai pada 1 Mac 2017 sepertimana dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Penyerahan Hak Milik Alat-Alat Bantuan Pelayaran ini hendaklah menjelaskan kewajipan LBAS, LSS dan kedua-dua agensi dan berkenaan dengan aset-aset dan kelengkapan yang telah diserahkan.

Majlis Penyerahan tersebut telah diadakan pada 1 Mac 2017 di Ibu Pejabat LSS Sarawak, di Electra House, Kuching. LBAS telah diwakili oleh Pengarah Laut Wilayah Sarawak, Tn Haji Dickson Dollah selaku Timbalan Pengerusi LBAS manakala En. William Jinep, Controller LSS bagi pihak Kerajaan Negeri. Majlis tersebut telah disaksikan oleh En. Mohd Zakaria bin Abdul Wahab mewakili Setiausaha Tetap, Kementerian Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak (MIDT).



Taklimat latarbelakang penyerahan ABP tersebut disampaikan oleh Setiausaha, LBAS.



Tn Haji Dickson Dollah (kanan) memberi penerangan berkaitan ABP yang diserahkan disaksikan oleh En. Mohd Zakaria (tengah) dan En. William Jinep (kiri).



Pegawai-pegawai dari LSS dan Jabatan Laut Wilayah Sarawak turut hadir.



LBAS diwakili oleh Pengarah Laut Wilayah Sarawak, mementerai memorandum penyerahan ABP kepada LSS disaksikan oleh wakil MIDT En Mohd Zakaria.



En. William Jinep, Controller LSS turut mementeraikan memorandum penerimaan ABP oleh LBAS disaksikan oleh wakil MIDT En. Mohd Zakaria.



Majlis Penyerahan Dokumen penyerahan ABP oleh kedua-dua agensi.



Pertukaran Dokumen Penyerahan oleh Tn Haji Dickson dan En William Jinep bersama pegawai-pegawai kedua-dua agensi.

